

**Dua Setiausaha Politik Ketua Menteri Sarawak Angkat Sumpah  
Bernama  
13 Februari , 2012**

KUCHING, 13 Feb (Bernama) -- Dua lagi setiausaha politik kepada Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud, mengangkat sumpah pada Isnin, menjadikan kesemuanya 24 pelantikan ke jawatan itu.

Bekas Ketua Wanita Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) Suzanne Lee dan Timbalan Pengerusi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) cawangan Machan Maurice Joannes Giri masing-masing mengangkat sumpah di hadapan Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu di Wisma Bapa Malaysia di sini.

Menteri Kewangan Kedua Sarawak Datuk Seri Wong Soon Koh dan beberapa menteri muda turut hadir pada majlis berkenaan.

Lee, 51, memulakan kerjaya politiknya dengan menyertai SUPP pada 1987, dan menjadi Ketua Wanita SUPP pada 2009. Beliau turut terlibat dalam beberapa aktiviti pertubuhan sosial dan kebajikan di dalam dan luar Sarawak.

Maurice, 50, pula menjadi anggota PBB sejak 10 tahun lepas sebelum dilantik ke jawatan sekarang pada 2010. Dengan kerjaya sebagai perunding sumber manusia, Maurice memiliki Sarjana Sains dalam latihan dan sumber manusia dari Leicester University.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645201>